

23 NOV 1996

APEC: KERJASAMA PEMBANGUNAN JUGA PENTING, KATA MAHATHIR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan kebimbangannya bahawa kerjasama pembangunan, yang merupakan satu tunggak kerjasama yang penting dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), telah tidak diberikan perhatian sewajarnya.

Perdana Menteri menyifatkan sebagai "tidak sihat" hakikat bahawa ia sering dibelakangkan kepada pengliberalan pasaran dan penyenangan pelaburan milik penuh asing secara langsung, dan ia mesti diperbetulkan.

"Pengliberalan sahaja tidak akan berjaya jika ia tidak disertai oleh kerjasama pembangunan kerana kedua-duanya saling bergantung dan saling memperkukuhkan," katanya pada majlis penutup Forum Perniagaan APEC (ABF) di sini.

Dr Mahathir berkata untuk membolehkan ekonomi-ekonomi sedang membangun melaksanakan pengliberalan atas asas berterusan, adalah penting bagi rakan-rakan maju untuk membantu anggota yang kurang maju mempertingkatkan keupayaan dan kecekapan ekonomi mereka.

"Masyarakat APEC yang berwawasan hanya akan muncul jika anggota-anggota dapat menunjukkan kesanggupan dan kesediaan untuk meningkatkan kerjasama pembangunan," tambahnya.

Dr Mahathir, yang tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang puncak pemimpin APEC di Teluk Subic pada hari Isnin, berkata terdapat keperluan untuk mempunyai pelan induk yang menggariskan pelan tindakan konkrit untuk kerjasama pembangunan mencakupi bidang-bidang seperti perusahaan kecil dan sederhana, sains dan teknologi, aliran kewangan dan prasarana, pembangunan sumber manusia dan telekomunikasi.

"Jika pelan-pelan tindakan itu boleh dilaksanakan dengan semangat yang sama untuk pasaran dan pengliberalan pelaburan, kita boleh wujudkan satu masyarakat APEC yang bukan sahaja makmur tetapi di mana pengagihan kekayaannya adalah lebih saksama," tambahnya.

Oleh kerana APEC terdiri daripada ekonomi-ekonomi yang pada berbagai peringkat pembangunan ekonomi dan tingkat pendapatan, adalah tidak realistik dan amat tidak adil untuk memaksa ekonomi yang kurang maju untuk melaksanakan langkah-langkah pengliberalan pada tahap yang jauh melebihi kemampuan mereka, katanya.

Satu pendekatan yang diandaikan pada pengliberalan progresif dan keluwesan akan membantu memberi jaminan kepada mereka untuk menyumbang secara positif ke arah proses pengliberalan.

Dr Mahathir berkata program dan projek untuk meningkatkan tahap pembangunan dan menangani ketidakseimbangan ekonomi di kalangan ekonomi-ekonomi kurang maju di rantau Asia Pasifik adalah penting.

"APEC mesti tidak mengakibatkan negara-negara anggota yang miskin menjadi lebih lagi bergantung kepada yang kaya. APEC mesti, melalui usaha-usaha bersama, memperkayakan negara-negara miskin bagi membolehkan mereka untuk menyumbang ke arah kamakmuran perkumpulan itu," tambahnya.

Beliau berkata pelaburan asing secara langsung yang dapat membantu memperkayakan sebuah negara membangun seharusnya mendahului pembukaan pasaran dan pemberian taraf negara kepada syarikat-syarikat asing.

Hanya bila ekonomi-ekonomi miskin telah membangun menjadi pengeksport perkhidmatan dan barangan barulah mereka boleh dianggap bersedia untuk meliberalkan pasaran.

"Pembukaan pasaran yang kaya kepada yang miskin tidak bermakna jika yang miskin tiada apa-apa untuk dijual. Tetapi sebaliknya, pembukaan

pasaran yang miskin kepada yang kaya, walaupun pasaran itu sekecil manapun, ia adalah lebih bermakna dari segi ekonomi," tambahnya.

Beliau berkata bahawa beliau "tiada masalah" dengan pengliberalan perdagangan kerana Malaysia komited kepada pengliberalan dan pemansuhan peraturan, dan sedang bergerak ke arah haluan itu pada tahap yang bersesuaian dengan tahap pembangunannya.

"Kami telah selalu menjadi pasaran terbuka dan memberi laluan masuk kepada barangan dari semua negara termasuk yang membezalayan terhadap kami," tambahnya.

Dr Mahathir juga berkata cabaran paling besar yang dihadapi oleh para pemimpin perniagaan APEC dan sesetengah kerajaan ialah untuk tabah dan sabar memupuk potensi yang begitu besar rantau ini bagi kerjasama dan pembangunan.

Hakikat bahawa ahli-ahli perniagaan APEC semakain tidak sabar dengan kadar kemajuan yang agak perlahan ke arah pengliberalan, penyelarasan dan kerjasama, dan mahukan pemimpin-pemimpin politik untuk berkongsi kesegeraan mereka, adalah difahami.

"Para pemimpin perniagaan mesti memahami bahawa pemimpin-pemimpin politik mesti melakukan apa yang terbaik untuk ekonomi mereka secara keseluruhannya," katanya, sambil menambah bahawa mereka tidak seharusnya melobi kerajaan mereka untuk menggunakan pengaruh bagi mengeluarkan halangan sebenar atau yang dikatakan halangan kepada operasi perniagaan terutama di ekonomi-ekonomi APEC yang sedang membangun.

Dr Mahathir berkata seperti dengan kerajaan, sektor perniagaan juga mempunyai peranan yang tidak kurang penting untuk menangani ketidaksamaan ekonomi yang wujud dikalangan anggota APEC.

APEC agak beruntung kerana dapat menggunakan pengalaman Asean yang menunjukkan bahawa sebarang kerjasama yang berjaya di Asia Pasifik perlu diasaskan kepada prinsip keterbukaan, kesaksamaan dan evolusi, tambahnya.

APEC mengumpulan Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand dan Amerika Syarikat.

-- BERNAMA

MAM SIA